

Debaran konvokesyen, antara senyuman dan air mata



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD

zaitonmohamad@yahoo.com

48 30.11.2011 3

SEKALUNG penghargaan diucapkan kepada semua graduan yang baru sahaja bergelar graduan Universiti Malaysia Sabah. Untuk menjadi seorang graduan adalah bukan sesuatu yang mudah kerana terpaksa mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan selama bergelar mahasiswa antara tiga hingga lima tahun. Pelbagai cabaran diharungi dalam meneruskan cita-cita yang telah diimpikan sekian lama. Adalah menjadi kewajipan kepada setiap mahasiswa untuk mendapatkan segulung ijazah selepas berjaya meneruskan pengajian di peringkat universiti. Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan, alang-alang menggenggam bara, biar sampai menjadi arang. Justeru itu selepas sekian lama menempuhi liku-liku sebagai seorang mahasiswa, alangkah indahnya apabila berjaya berbaris dan menaiki pentas bagi mendapatkan segulung ijazah. Justeru itu ada graduan yang dilanda demam konvokesyen, sampaikan seluruh badan seram sejuk dan perasaan yang terlalu gembira sehinggakan berderai-derai air mata.

Begitu juga kebahagiaan tersebut turut dikongsi oleh kedua ibu bapa dan sanak saudara. Maklumlah bukan semua anak yang berjaya mendapatkan segulung ijazah. Apatah lagi sekiranya anda adalah orang yang pertama berjaya memasuki dan meneruskan pengajian di universiti, sudah tentu andalah yang menjadi kebanggaan seluruh keluarga. Justeru itu kejayaan anda menggenggam segulung ijazah bukan setakat kejayaan anda tetapi kejayaan seluruh ahli keluarga. Lantaran itu dengan penganugerahan ini adalah lebih sempurna sekiranya kedua ibu bapa dan sanak saudara turut meraikannya dengan cara bersama-sama memasuki dewan untuk menyaksikan majlis penganugerahan ijazah. Ini disebabkan dengan cara tersebut sahaja akan dapat melihat betapa hebatnya bakal graduan berarak memasuki dewan dan perarakan besar para akademik.

Dengan cara tersebut akan dapat menzahirkan betapa hebatnya gedung ilmu yang bergelar universiti. Oleh yang demikian sebagai seorang graduan yang baru sahaja dinobatkan dengan sekeping ijazah perlulah mengorak langkah dengan cekap untuk memulakan kehidupan bekerjaya. Kerjaya adalah sesuatu manifestasi daripada kehebatan corak didikan dan sejauhmana ilmu pengetahuan diperolehi sama ada boleh

mengaplikasikannya di dalam hidup dan pekerjaan kelak. Oleh yang demikian adalah beruntung sekiranya mahasiswa bergerak aktif dengan sebarang aktiviti kepimpinan dan dengan secara tidak langsung modal insan dapat dibentuk. Ini disebabkan salah satu teras di bawah pelan strategik ialah pembangunan modal insan kelas pertama yang meliputi ciri-ciri seperti ilmu pengetahuan, ciri peribadi yang unggul dan ciri kemahiran berinteraksi dengan rakan-rakan dan juga masyarakat dengan baik. Malah mampu untuk menyelesaikan masalah dan bekerja secara berpasukan dengan baik. Lantaran itu semua mahasiswa telah diasuh semasa berada di alam kampus.

Walau bagaimanapun untuk mencapai kecemerlangan secara holistik adalah sesuatu yang sukar kerana kekurangan keterlibatan di kalangan mahasiswa dan juga kekangan masa dengan pelbagai kertas kerja, pengkuliah dan sebagainya. Justeru itu adalah lebih berguna sekiranya mahasiswa menggunakan kemahiran insaniah dan memiliki modal insan kelas pertama dalam merebut peluang pekerjaan sebaik sahaja bergelar graduan. Sudah tentu ramai para majikan akan tertarik untuk menawarkan peluang-peluang pekerjaan. Dengan cara tersebut akan meningkatkan kebolehpasaran para graduan daripada universiti yang terbabit. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab semua mahasiswa untuk lebih kreatif dalam menyertai kegiatan ko-kurikulum di universiti supaya sesuai dengan peranan universiti sebagai gedung ilmu. Justeru itu sebagai seorang yang baru sahaja bergelar graduan sambutlah cabaran untuk melakar kehidupan anda dengan lebih baik. Malah corak kehidupan pada masa depan anda juga berada di dalam genggamannya anda.

Malah boleh dianalogikan seperti sampan sudah di air, pendayung sudah ada di tangan jadi di atas kebijaksanaan anda untuk mendayung menongkah arus atau menuju ke kuala. Justeru itu bagi seorang graduan yang bijak dan mempunyai minda yang cekap akan memastikan kehidupan mereka lebih baik berbanding kehidupan orang lain. Lantaran itu sekalung tahniah untuk mahasiswa yang telah bergelar graduan dan usah leka dengan gelaran tersebut kerana kehidupan di dunia sebenar lebih mencabar, maka gunakanlah apa yang telah dipelajari untuk memajukan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

*** Penulis adalah Pegawai Psikologi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS**